

02/03/2002

Keganasan global: TPM ulangi pendirian Malaysia

COOLUM, Jumaat - Malaysia akan menyatakan pendiriannya terhadap keganasan antarabangsa pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 2002 di sini yang bermula esok.

Pendirian itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pandangan yang dikemukakan oleh Abdullah akan mencerminkan pendirian Malaysia seperti yang kerap dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

"Walaupun kita menyokong tindakan menghapuskan keganasan, kita tidak mahu pendekatan bagi menanganinya wujud unsur berat sebelah. Sejak serangan 11 September lalu, orang dan negara Islam saja dipersalahkan.

"Oleh itu, Timbalan Perdana Menteri akan mengemukakan pendapat yang sama apabila menghurai lanjut pendirian Malaysia nanti," katanya ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia mengenai agenda CHOGM itu di sini, hari ini.

Kerjasama antarabangsa memerangi keganasan, isu globalisasi dan keanggotaan Zimbabwe dijangka menjadi agenda utama CHOGM di sini.

Malaysia tidak ketinggalan memainkan peranan utama bersama negara lain ke arah memerangi keganasan melalui Komanwel apabila cadangan yang dikemukakan oleh Syed Hamid dalam pelan tindakan untuk dipertimbangkan oleh CHOGM di London baru-baru ini diterima.

Cadangannya supaya pelan tindakan itu turut merangkumi cara mengukuh dan menggalakkan dialog serta pemahaman antara tamadun, budaya dan pegangan agama serta langkah yang akan memperluaskan kebajikan penduduk negara Komanwel dalam konteks dunia yang lebih aman.

Pelan tindakan itu akan mengandungi pelbagai aspek perundangan, kewangan dan langkah secara am untuk memerangi ancaman keganasan.

Turut sama dalam jawatankuasa yang membincangkan pelan tindakan itu adalah tuan rumah Australia, Bahamas, Kanada, India, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania, Tonga dan United Kingdom.

Syed Hamid berkata, pelan tindakan itu merangkumi kaedah menangani keganasan melalui kerjasama maklumat perisikan termasuk maklumat mengenai akaun pengganas di bank.

Mesyuarat CHOGM kali ini yang sepatutnya berlangsung tahun lalu terpaksa ditunda ke tahun ini ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 September lalu.

Pada asalnya tumpuan mesyuarat kali ini adalah isu globalisasi, tetapi ia beralih arah apabila soal keganasan yang mula mendapat perhatian dunia.

(END)